

MAHATHIR-PENSWASTAAN

(EMBARGO: U N T U K SIARANSELEPAS PUKUL 11 PAGI INI)

1984

KUALA LUMPUR, 25 MEI (BERNAMA) -- KERAJAAN YAKINDASAR
PENSWASTAAN DAPAT MENOLONGMEMPERCEPATPENCAPAIAN MATLAMAT
DASAREKONOMIBARU (DEB) JIKATIDAK BERLAKU SABOTAJ, KATA
PERDANA MENTERI DATUK SERI D R. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

SATUKAJIANMENDALAMMENGENAINYA MEMPERAKUKAN BAHAWA PENSAWASTAAN
BOLEH DIBUATSECARA MENYELURUH ATAU DER PERINGKAT-PERINGKAT.

BAGAIMANAPUN, PROSES YANG MELIBATKANPEMINDAANBEBERAPA
PERKHIDMATAN KERAJAAN KEPADAPIHAKSWASTAAKANMENGAMBIL MASA KERANA
IA PERLU DILAKSANAKAN DENGAN TELITI, KATANYA DI PERHIMPUNAN AGUNG
KE-35 UMNO MALAYSIA DISINI.

DATUKSERI DR. MAHATHIR YANG JUGA PRESIDENT UMNO BERKATA
DENGAN PENILAIAN YANG TELITI D A N MENYELURUH, KONSEP ITU BERKE-
MUNGKINAN BESAR MENCAPAT MATLAMATNYADANAPA YANG PENTINGIALAH
RAKYAT TIDAK CEPAT MELATAH DAN MENGELAMNYA APABILA SAHAJA TIMBUL
SEDIKIT MASALAH.

MENERANGKAN SEBAB-SEBAB MALAYSIA MEMILIH DASAR PENSWASTAAN LEBIH
AWAL DARI PADA NEGARA-NEGARA LAIN, BELIAU BERKATA KEJAYAAN
KONSEP ITU KELAKAKAN MENDATANGKAN TAMBAHAN HASIL CUKAI KEPADA
KERAJAAN KERANAPERKHIDMATAN YANG DIURUSKAN OLEH SWASTA DIPERCAYAI
AKAN MEMPEROLEHI KEUNTUNGAN. -LAGI-0830/JAS

ZCZC 8506 .

MAHATHIR-PENSWASTAAN 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DENGAN KEJAYAAN ITU JUGA KERAJAAN TIDAK PERLU MENYEDIAKAN
PERUNTUKAN YANG BANYAK KEPADA PERKHIDMATAN TERTENTU DAN WANG
TERSEBUT SEBALIKNYA BOLEH DIBELANJAKAN BAGI MEMBIAYAI LEBIH --
BANYAK KEMUDAHAN UNTUK RAKYAT.

SELAIN ITU, PENSWASTAAN JUGA AKAN MEMBERI PELUANG KEPADA
PENGUSAHA-PENGUSAHA BUMIPUTERA YANG MAMPU ATAUPUN YANG BOLEH
MENGADAKAN USAHASAMA DENGAN PIHAK LAIN, SAMADA DARI DALAM ATAU LUAR
NEGERI, UNTUK MEMENUHI DEB.

PARA PEKERJA DALAM PERKHIDMATAN YANG DISWASTAKAN JUGA TURUT
MENERIMANIKMAT SECARA TIDAK LANGSUNG DARIPADA TABUNG KERAJAAN YANG
LEBIH BESAR.

KATANYA, CADANGAN PENSWASTAAN DIBUAT SEKARANG KERANA SEJAK
KEBELAKANGAN INI BILANGAN F E N I A G A DAN PENGUSAHA BUMIPUTERA SUDAH
BERTAMBAH DENGAN MENCUKUPI BAGI MEMBOLEHKAN KONSEP ITU DILANSANAKAN
TANPA MENJEJAS DEB

PERDANA MENTERI GEMBIRA KERANA KECUALI BEBERAPA ORANG YANG MASIH
TERPENGARUH DENGAN FALSAFAH KESATUAN SEKERJA BARAT, UMUMNYA DASAR ITU
TELAH DITERIMA TERMASUK PARA PEKERJA YANG BAKAL TERLIBAT.

SELARAS DENGAN ITU, BELIAU MENYERU AHLI-AHLI POLITIK TERUTAMA
ANGGOTA UMNO SUAPAYA BUKAN SAHAJA MENERIMA KONSEP PENSWASTAAN TETAPI
JUGA MENOLONG MENJAYAKANNYA. -LAGI-0845/JAS

11/11/84

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGULANGI SERUANYA SUPAYA RAKYAT MALAYSIA MENCONTOHI ETIKA KERJA PENDUDUK JEPUN DAN KOREA YANG SENTIASA BEKERJA KERAS MENINGKATKAN DAYA PENGELUARAN MEREKA.

BELIAU KESAL MASIH RAMAI YANG MENGAMALKAN ETIKA KERJA ALA BARAT YANG DISEMAI MELALUI PERTUBUHAN SEKERJA SEDUNIA SEDANGKAN NEGARA-NEGARA BARAT SENDIRI TELAH MENGGUGURKAN FALSAFAH LAMA ITU DAN KINI MENTELADANI ETIKA KERJA DARI TIMUR.

SEMASA LAWATANNYA KE EROPAH DAN AMERIKA AWAL TAHUN INI, BELIAU MERASAKAN TELAH MENJELMA SEMANGAT BARU DI KEDUA-DUA BENUA ITU DAN KAUM PEKERJA DI SANA TIDAK LAGI BERKHAYAL SAPERTI DULU.

CONTOHNYA DI BRITAIN, GOLONGAN PEKERJA TIDAK MOGOK DENGAN MUDAH MALAH MEREKA MENOLAK ARAHAN PEMIMPIN KESATUAN YANG MAHUKAN MEREKA MOGOK.

DI BELANDA, KERAJAAN MENGURANGKAN GAJI KAKITANGAN AWAM TIGA PERATUS DAN DI AMERIKA SYARIKAT PULA, ETIKA KERJA JEPUN DICONTOHI DAN KESATUAN SEKERJA YANG BESAR DAN MEGAH SUDAH KEHILANGAN RAMAI AHLI.

BARAT NAMPAKNYA SUDAH SEDAR SEMULA BAHAWA PEKERJA PERLU BEKERJA PARAS BAGI MENINGKATKAN TARAF HIDUP MEREKA DAN BUKAN SECARA MENGGUGAT HARMONIAN PERINDUSTRIAN. -LAGI-0850/JAS.

MENYENTUH KESATUAN DALAMAN, PERDANA MENTERI BERKATA IA MERUPAKAN STU LAGI LANGKAH UNTUK MEWUJUDKAN KETENTERAMAN PERUSAHAAN SERTA UNTUK MEMBERI PELUANG KEPADA PERUSAHAAN-PERUSAHAAN KECIL ATAU YANG BARU MUNCUL.

KERAJAAN MENGGALAKKAN PENUBUHAN KESATUAN DALAMAN YANG MENGHADKAN KEAHLIAN KEPADA SEMUA PERINGKAT PEKERJA SESEBUAH SYARIKAT SUPAYA SEBARANG TUNTUTAN YANG DIBUAT AKAN MENGAMBILKIRA KEMAMPUAN PERNIAGAAN SYARIKAT BERKENAAN.

INI KERANA BUKAN SEMUA SYARIKAT ATAU PERUSAHAAN, MAJU DAN MAMPU MEMBAYAR GAI SAPERTI SYARIKAT-SYARIKAT BESAR YANG LAMA.

BELIAU MENJELASKAN JIKA PARAS GAJI DAN KEMUDAHAN YANG TINGGI DIKENAKAN KE ATAS SEMUA FIRMA, SUDAH PASTI PERNIAGAAN BARU TIDAK DAPAT DIMULAKAN TERUTAMA SECARA KECIL-KECILAN.

BANYAK SYARIKAT BUMIPUTERA TETGOLONG DALAM KATEGORI INI, TAMBAHNYA.

SEBALIKNYA JIKA PEKERJA DIWAKILI OLEH KESATUAN BERTARAF ANTARA-BANGSA, PIHAK KESATUAN TERPAKSA MENJAGA KEPENTINGAN PEKERJA DALAM SYARIKAT YANG SUDAH MAJU DAN DENGAN DEMIKIAN MEREKA TIDAK AKAN MEMBENARKAN BAYARAN YANG RENDAH KEPADA PARA AHLI YANG BEKERJA DENGAN SYARIKAT YANG LEMAH.

BELIAU MENYAKINKAN BAHAWA KERAJAAN TIDAK BERNIAT BURUK DI SEBALIK PENUBUHAN KESATUAN DALAMAN TETAPI SEMATA-MATA BERTUJUAN MENJAMIN KAUM PEKERJA MENDAPAT HAK MEREKA TANPA MENJEJASKAN HAK ORANG LAIN.

--BERNAMA--0900/JAS